



SIARAN AKHBAR

“JERAYAWARA SISTEM PENDAFTARAN CAGARAN”

Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama Unit PENGGERAK, Jawatankuasa Pandu Ease of Doing Business (EODB) dan Darussalam Enterprises (DARE), telah mengadakan jerayawara bagi mengenalkan Sistem Pendaftaran Cagaran di Jabatan Perdana Menteri dan Design and Technology Building, Anggerek Desa.
2. Hadir semasa jerayawara-jerayawara tersebut ialah pegawai-pegawai Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Kehakiman Negara; ahli-ahli daripada Dewan-Dewan Perniagaan, serta wakil-wakil daripada Perusahaan-Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), bank-bank dan firma undang-undang. Jerayawara tersebut dimulakan dengan taklimat bagi mengenalkan bagi Pejabat Pendaftaran Cagaran dan Perintah Transaksi Bercagar 2016. Ini diikuti dengan taklimat bagi tatacara menggunakan Sistem Pendaftaran Cagaran.
3. Jerayawara Sistem Pendaftaran Cagaran adalah bertujuan untuk memperkenalkan Sistem Pendaftaran Cagaran kepada orang ramai, khususnya pihak PKS, bagi menerangkan bahawa melalui cagaran harta alih (*movable assets*), syarikat-syarikat perniagaan boleh mendapatkan pinjaman kewangan untuk memajukan perniagaan masing-masing. Dengan adanya Sistem Pendaftaran Cagaran ini juga, orang awam, SME dan syarikat-syarikat kini boleh memanfaatkan mana-mana harta alih masing-masing kepada bank-bank atau syarikat kewangan bagi kemudahan mendapat kredit. Sistem ini akan menggabungkan pendaftaran *Bill of Sale*, caj syarikat, kenderaan motor, beberapa jenis kapal dan kapal terbang dari jabatan-jabatan kerajaan. Sistem ini akan mula beroperasi pada bulan Disember 2016.
4. Jerayawara ini akan diadakan lagi di Dewan Persidangan Kuala Belait pada 24 Zulhijjah 1437 bersamaan dengan 26 September 2016, pada jam 2:00 petang sehingga 4:00 petang. SME, syarikat-syarikat dan orang ramai adalah dijemput untuk menghadiri jerayawara ini.
5. Negara Brunei Darussalam merupakan salah satu daripada negara ASEAN yang pertama untuk memperkenalkan Sistem Pendaftaran Cagaran yang akan dapat memudahkan orang ramai untuk mendapatkan kredit di negara ini. Pelaksanaan inisiatif ini juga akan meningkatkan lagi kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam *World Bank Ease Of Doing Business Ranking*, dengan sokongan daripada Unit PENGGERAK, Jabatan Perdana Menteri, dan Jawatankuasa Pandu EODB Untuk maklumat lanjut mengenai Sistem Pendaftaran Cagaran, orang ramai boleh menghubungi Pejabat Pendaftaran Cagaran AMBD melalui e-mel collateral.registry@ambd.gov.bn

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 21 Zulhijjah 1437 / 23 September 2016

Rujukan: AMBD/COMMS/3/2016r